

Mayat nenek, cucu dalam parit

Sinar Harian - 8/9/15 (M/S.10)

SHAH ALAM – Tanpa rasa bersalah, seorang lelaki sanggup membunuh seorang nenek dan cucunya sebelum mayat mereka dicampak ke dalam parit dalam kebun kelapa sawit di Batu 7, Sijangkang.

Ketua Polis Selangor, Datuk Abdul Samah Mat berkata, kejadian kira-kira jam 3 pagi, kelmarin, seorang lelaki datang ke rumah mangsa warga Kemboja menaiki motosikal.

Menurutnya, suspek yang juga warga Kemboja mengetuk pintu rumah hingga mengejutkan nenek berusia 80 tahun bersama dua cucu lelaki serta perempuan berusia enam dan 11 tahun yang sedang tidur.

“Suspek mendakwa ingin membawa kanak-kanak tersebut bertemu ibunya. Dua kanak-kanak itu dan neneknya mengikut suspek dengan menaiki motosikal. Apabila sampai di kebun kelapa sawit, suspek cuba merogol kanak-kanak perempuan itu.

“Kemudian adik kanak-kanak



Mayat nenek berusia 80 tahun yang ditemui, semalam.

perempuan itu dan neneknya menjerit meminta pertolongan,” katanya.

Abdul Samah berkata, suspek memukul dan mencederakan kanak-kanak lelaki dan neneknya itu.

Kanak-kanak perempuan tersebut yang melarikan diri mendapatkan bantuan orang kampung sebelum laporan polis dibuat jam 11.50 pagi.

“Tidak beberapa lama kemudian, kita menemui mayat kanak-kanak le-

laki berkenaan di dalam parit dengan kesan cedera dipercayai dipukul.

“Jam 5 pagi (semalam), kita tahan suspek berusia 31 tahun di stesen minyak di Lebuhraya Kesas,” katanya.

Polis kemudian menjumpai mayat warga emas itu jam 8 pagi di dalam parit kira-kira 100 meter dari mayat cucu lelakinya ditemui.

Selain itu, isteri suspek lingkungan 30-an ditahan untuk bantu siasatan.